

Unit 1

Kata Nama Am



Nota Pintar

Kata nama am merujuk kepada manusia, haiwan, benda dan tempat secara umum.

Huruf awal kata nama am ditulis dengan huruf kecil kecuali apabila kata tersebut digunakan pada permulaan ayat.

Manusia	Haiwan	Benda	Tempat
guru	arnab	baju	rumah
bayi	kucing	sikat	dewan
askar	monyet	kipas	sekolah



ibu



ayam



lampu



hospital



Betul atau Salah?

Pilih kata nama am yang betul berdasarkan gambar.

1



rumah

kampung

2



songkok

seluar

3



angkasawan

juruwang

4



beruang

landak



A Isi tempat kosong dengan kata nama am yang betul.


- 1 Encik Halim memandu _____ ke pejabat.



- 2 Kakak menyiram pokok _____ di halaman rumah.



- 3 Adik memelihara seekor anak _____ yang comel.



- 4 Aisha sedang memotong _____ hari jadinya di meja.



- 5 Abang bermain _____ di padang bersama kawan-kawannya.



B Lengkapi petikan dengan kata nama am yang betul. SP : 5.1.1 (i)

ibu	pokok	air terjun	ayah
ikan	abang	kereta	

Pada hujung minggu lepas, ❶ _____ telah membawa kami sekeluarga pergi berkelah. Kami memilih untuk berkelah di kawasan ❷ _____ . Kami berasa sangat gembira.

❸ _____ turut mengajak keluarga Mak Usu Farah untuk pergi berkelah bersama. Kami bertolak dengan menaiki ❹ _____ masing-masing. Perjalanan ke tempat perkelahan itu mengambil masa satu jam.

Mak Usu Farah dan ibu telah menyediakan bekalan makanan untuk dimakan oleh kami nanti. Setibanya di sana, kami mencari tempat yang sesuai untuk meletakkan barang-barang. Kami memilih kawasan redup di bawah ❺ _____ yang rendah.

Selepas itu, kami terus mandi-manda di air terjun. Terdapat anak-anak ❻ _____ kecil yang berenang-renang di kawasan air cetek. Setelah penat mandi-manda, kami menjamu selera dengan bekalan yang dibawa. Sebelum pulang, saya membantu ❼ _____ mengemaskan kawasan perkelahan kami.